



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT TENGGU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
TIMBALAN MENTERI AIR, TANAH
DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA
PERINGKAT DAERAH RAUB,
PAHANG DARUL MAKMUR
TAHUN 2019**

**DATARAN PULAU CHEKAS,
KG. PERUAS ULU DONG, DAERAH RAUB ,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

2 NOVEMBER 2019 (SABTU)

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Assalamualaikum, Selamat pagi dan Salam sejahtera

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YANG BERBAHAGIA DATO' IR HJ ABDULLAH BIN ISNIN,
Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia;

YANG BERHORMAT DATO' SRI SHAHIRUDDIN BIN MOIN,
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Dong, Raub;

YANG BERHORMAT CHOW YU HUI,
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tras, Raub;

YANG BERUSAHA IR. MOHD NOOR BIN BIDIN,
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang;

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD SHAHID BIN ISMAIL,
Pegawai Daerah Raub;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Agensi;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Daerah Raub;

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg Peruas, Ulu Dong, Raub

Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pahang yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan **Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Daerah Raub Tahun 2019** pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai Kementerian, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Raub, pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran, Pegawai Daerah Raub, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Daerah Raub tahun 2019 pada hari ini. Syabas diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa majlis yang telah mengatur pelbagai program dan aktiviti sejak awal pagi lagi. Sokongan padu dan kerjasama erat semua pihak telah membolehkan program kita pada hari ini berlangsung dengan lancar.

3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Peruas, Ulu Dong Raub diatas pemilihan lokasi program kali ini, bertepatan dengan pelbagai kejayaan dan anugerah yang diterima oleh pihak MPKK Kg Peruas, khususnya berkaitan pemuliharaan sumber air, kempen cintai sungai kita dan alam sekitar. Antaranya ialah Johan Anugerah Khas Sumber Air sempena Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2018, johan program Kempen Cintailah Sungai Kita serta pelbagai anugerah lain yang diterima sama ada di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sungai adalah sumber utama bekalan air minum dan kehidupan di seluruh dunia sejak dahulu lagi. Di atas kepentingan inilah maka sambutan Hari Sungai Sedunia dilihat oleh agensi-agensi berkaitan pengurusan air di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai satu acara tahunan yang berkesan untuk mewujudkan lebih kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan penjagaan sumber air .

5. Sambutan Hari Sungai Sedunia pada tahun ini bertemakan “***Waterways in Our Communities***”. Tema ini dipilih kerana ia mengambil kira peranan masyarakat setempat termasuk pemain industri yang semakin berkembang pesat mengenai keperluan menjaga kelestarian sungai dan alam sekitar. Tambahan pula, sambutan

Hari Sungai Sedunia adalah selaras dengan usaha *United Nations (UN)* di peringkat global bagi program berkaitan air termasuklah akses kepada air dan kumbahan yang selamat, peningkatan ekosistem dan sumber air serta usaha untuk mengurangkan risiko bencana berkaitan air seperti banjir dan kemarau.

Hadirin yang dihormati sekalian

6. Kita amat bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana negara kita amnya dan Negeri Pahang khususnya sentiasa dilimpahi sumber air yang banyak dengan jumlah taburan hujan tahunan yang tinggi di samping kawasan hutan hujan yang luas. Sebanyak 2,059 batang sungai sepanjang 11,960 kilometer telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri selain tasik-tasik utama seperti Tasik Chini, Tasik Bera dan Tasik Bungor, Kuantan termasuklah Sungai Dong di Pulau Chekas ini yang terkenal dengan pusat rekreasi bertemakan sumber air dengan keindahan semula jadi yang menjadi tarikan para pengunjung.

7. Dengan pembangunan yang semakin pesat saban tahun, Kerajaan menyedari bahawa masalah banjir, kemarau, pencemaran dan kesan perubahan iklim antara isu-isu yang sering melanda sumber air di negara ini termasuk di Negeri Pahang. Kita juga sedang menghadapi musim peralihan monsun yang membawa hujan dan ribut petir membabitkan di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak bermula dari bulan Oktober 2019 dan berlarutan sehingga bulan Mac 2020.

8. Justeru, bagi meningkatkan kesiapsegiaan menghadapi musim monsun ini, Kerajaan melalui JPS telah melaksanakan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) yang merangkumi pembangunan sistem ramalan dan amaran banjir di 41 lembangan sungai di seluruh negara. Ianya akan dilaksanakan dalam tempoh 7 tahun (2015-2022) dengan melibatkan 3 fasa di mana Fasa 1 (2015 hingga 2018) adalah untuk 3 lembangan iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang manakala Fasa 2 (2018 hingga 2022) untuk 38 lembangan. Fasa 1 dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Program PRABN berupaya untuk menghasilkan ramalan banjir 7 hari lebih awal dan mengeluarkan amaran banjir 2 hari lebih awal daripada jangkakan banjir yang berlaku.

Para hadirin yang saya hormati

9. Adalah menjadi hasrat saya untuk melihat semua pihak, khususnya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber air untuk sama-sama berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan pengurusan sumber air secara lebih holistik. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar memberi perhatian dan tumpuan serta mengambil tindakan yang berterusan demi memastikan pengurusan sumber air negara ini dapat dilaksanakan secara lestari bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

10. Rakyat juga seharusnya sedar bahawa sungai yang kotor akan menyebabkan hidupan akuatik di dalamnya terjejas dan tercemar. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan dan mencemarkan rantaian makanan seterusnya menyebabkan pelbagai jenis penyakit dan juga mencemarkan alam sekitar. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga kualiti air sungai kita.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan dan MPKK Sungai Peruas Ulu Dong serta syarikat-syarikat swasta yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Daerah Raub tahun 2019 pada kali ini. Semoga Sambutan Hari Sungai pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga sungai-sungai secara lestari untuk manfaat kita bersama.

12. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAH RAHMANNIRRAHIM, sukacitanya saya **MERASMIKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH RAUB TAHUN 2019.**

Sekian, terima kasih.